


AHAD • 12.03.2017

sukan@utusan.com.my

SUKAN




NEGERI SEMBILAN ATASI TENTERA UNTUK KE BABAK AKHIR

»23

EDISI 1

Peraduan #UMenangSakan

UTUSAN MALAYSIA MINGGUAN MALAYSIA

HADIAH UTAMA

HADIAH BERNILAI **RM555,000**

6

Takkan paksa diri untuk perbaharui rekod 100m bagi elak tercedera

Zaidatul tidak terdesak

Oleh ZAZALI JAMIAN
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 MAC

RATU pecut negara Zaidatul Husniah Zulkifli tidak akan terburu-buru untuk memperbaharui rekod 100 meter kebangsaan yang mula menjadi miliknya kelmarin, sebaliknya muh fokus kepada mengekalkan konsistensi hingga berlangsungnya Sukan SEA 2017.

Katanya, rasa terdesak untuk mengatasi rekod yang diciptanya pada Khamis lalu akan meletakkan dirinya dalam risiko mengalami kecederaan, sesuatu yang sangat ingin dielakkannya untuk memastikan dia berpeluang memenangi pingat emas temasya dwitahunan itu Ogos ini.

Atlet dari Alor Setar itu mencipta rekod baharu kebangsaan dalam Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan. Kejohanan itu adalah yang kedua disertainya di negara itu dalam program pendedahan di sana selama sebulan.

Zaidatul melebur rekod lama milik G. Shanti 11.50s yang dilakukan dalam kejohanan Pra Sukan SEA 1993.

Mengulas mengenai kejayaannya, atlet berusia 24 tahun itu berkata dia menghadiahkan kejayaannya kepada seluruh rakyat Malaysia agar turut sama berkongsi

kegembiraan itu.

Katanya, rakyat Malaysia berhak merasai kegembiraan itu kerana mereka sudah menanti selama 24 tahun untuk melihat rekod Shanti diperbaharui.

"Ini adalah kejayaan hasil kerja keras saya untuk seluruh peminat olahraga tempatan.

"Saya juga berharap seluruh rakyat Malaysia dapat mendoakan

agar saya dapat menghadiahkan pingat emas 100m Sukan SEA 2017 nanti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

"Selepas ini tumpuan saya adalah untuk mengekalkan rentak larian dan prestasi semasa. Saya tidak mahu terlalu mendesak keupayaan sendiri kerana bimbang mendapat kecederaan namun tetap akan memberikan yang terbaik

dalam kejohanan yang bakal saya serta," tambahnya.

Sementara itu, ditanya sama ada bercadang memperbaharui rekod 200m, Zaidatul berkata: "Jika diizinkan tuhan maka tidak ada yang mustahil.

"Saya tidak mahu terlalu berharap tetapi tetap akan cuba memberikan yang terbaik dalam saingan 200m."

Rekod 200m masih milik Shanti dengan catatan 23.37s yang dilakukan dalam Kejohanan Asia di Jepun pada 1998.

Saya juga berharap seluruh rakyat Malaysia dapat mendoakan agar saya dapat menghadiahkan pingat emas 100m Sukan SEA 2017 nanti."

ZAI DATUL HUSNIAH ZULKIFLI
Ratu pecut negara

KEJOHANAN BAKAL DISERTAI

ZAI DATUL HUSNIAH ZULKIFLI

22 MAC 17
ASA SPEED SERIES 4
- GERMISTON

28 MAC 17
NWU/SASOL - PRESTIGE INTERNATIONAL MEETING - SASOLBURG

8 APRIL 17
AGN LEAGUE 10 -
BEST MRS TUKS

20-22 APRIL 17
NATIONAL SENIOR CHAMPIONSHIP - POTCHEFSTROOM

ZAI DATUL HUSNIAH ZULKIFLI (kiri) ketika melakukan larian dalam acara 100 meter saringan ketiga di Stadium Olimpik 2016.